

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN TAPAK DAN MELETAK BATU ASAS BANGUNAN IKIM
Lokasi : JALAN DUTA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 29-01-1993

Pemahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai Islam akan dapat melahirkan pemimpin dan ketua yang cekap, disayangi dihormati, yang boleh dicontohi, dan yang benar-benar cemerlang dalam pencapaian matlamat organisasi.

Ini akan membawa kepada kewujudan suasana harmoni dalam pentadbiran, dan lahirnya etos organisasi yang mempunyai ciri-ciri ketakwaan. Ringkasnya, akan lahir organisasi dan pentadbiran yang beradab.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. oleh kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita mengadakan upacara meletakkan batu asas pada pagi ini bagi bangunan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Majlis pagi ini menandakan bermulanya pembinaan bangunan IKIM dengan kos keseluruhan berjumlah RM 9.5 juta. Projek ini adalah dibiayai sepenuhnya dengan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada tuan-tuan dan puan-puan serba sedikit mengenai tujuan IKIM ditubuhkan. IKIM ditubuhkan untuk memberi kefahaman kepada semua lapisan masyarakat yang terdiri daripada berbagai kaum mengenai nilai-nilai murni Islam dan hubungan Islam dengan segala aspek kehidupan. IKIM juga akan berusaha mengubah dan membetulkan pandangan-pandangan negatif terhadap agama dan umat Islam. Orang-orang Islam sering digambarkan oleh media massa antarabangsa sebagai orang-orang yang suka membazir, tidak berdisiplin, tidak jujur, terlalu ekstremis dan adakalanya zalim. Maka tugas murni IKIM ialah mengkaji dengan mendalam bagaimanakah umat Islam dapat menjadi model pembangunan yang baik di dalam semua aspek kehidupan mereka supaya dengan itu, imej buruk umat Islam di mana didapati, dapat dihapuskan sedikit demi sedikit.

Walaupun penduduk Islam begitu besar jumlahnya dan negara-negara Islam dianugerahkan Tuhan dengan banyak sumber kekayaan dan hasil bumi, namun keadaan umat Islam di beberapa buah negara masih lemah dan ketinggalan daripada arus kegiatan ekonomi moden. IKIM akan berusaha memberi kefahaman yang mendalam kepada pesanan-pesanan yang didapati di dalam al-Quran dan hadis, antaranya pesanan-pesanan seperti berikut. Hendaklah berusaha untuk dunia seolah-olah manusia akan hidup selama-lamanya dan hendaklah beribadat seolah-olah mereka akan mati esok hari; Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum kecuali kaum itu mengubah diri mereka sendiri; Sesudah mendirikan sembahyang segeralah bertaburan di atas muka bumi ini untuk mencari rezeki yang halal dan segala kurniaan Allah; Sekiranya manusia hendakkan dunia hendaklah ia berilmu, sekiranya ia hendakkan akhirat hendaklah ia berilmu dan sekiranya ia hendakkan kedua-duanya hendaklah ia berilmu; Orang mukmin yang kuat fizikal dan kerohaniannya adalah lebih baik dan sangat dikasihi Allah daripada orang mukmin yang lemah fizikal dan kerohaniannya; Allah suka kepada seseorang pekerja yang melakukan kerjanya dengan tekun dan penuh kemahiran; Sembilan daripada sepuluh pintu rezeki itu adalah dalam perniagaan. Seorang peniaga yang jujur itu diakhirat kelak akan berada bersama-sama awlia', Wali-wali Allah, para syahid dan nabi-nabi; "Mata pencarian yang penting baik bagi seseorang itu ialah memakan hasil pencarian dan usahanya sendiri ..." Di dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini, Islam hendaklah ditonjolkan dalam bentuk positif seperti unsur-unsur bertoleransi, adil, bertimbangrasa dan sebagainya. Islam juga menggalakkan umatnya berhubung rapat dan bekerjasama dengan semua orang tanpa mengira latarbelakang agama, bangsa dan warna kulit mereka.

Usaha-usaha IKIM akan ditumpukan kepada memberi kefahaman dengan menonjolkan ajaran-ajaran Islam yang memperjuangkan keamanan, keadilan, kerjasama dan kemajuan ekonomi sejagat. Rangka strategi IKIM untuk melaksanakan objektif-objektifnya adalah seperti berikut: (i) menjalankan penyelidikan dan mengadakan rundingan mengenai peranan Islam dan Umat Islam untuk menghadapi realiti semasa berikutan daripada keadaan dunia yang berubah-ubah; (ii) menyediakan kemudahan bagi sarjana Islam dan bukan Islam untuk membincangkan dan menganalisa isu-isu yang menjadi kepentingan dan prihatin

bersama; (iii) mewujudkan kefahaman dan kesedaran yang mendalam tentang isu-isu antarabangsa yang mempunyai kesan langsung atau tidak langsung kepada umat Islam; dan (iv) mengadakan satu pusat sumber maklumat berkaitan dengan umat Islam dan memberi sumbangan kepada penggubalan dasar negara.

Pada tahun 1992, IKIM telahpun mengadakan program- program seperti berikut: (i) Kongres bertajuk "Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020"; (ii) Projek-projek Penyelidikan mengenai Pelaksanaan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam, Toleransi dalam Islam, Islam dan Perindustrian, Kajian ke arah Penggubalan Program Model dan Strategi Pembasmian Kemiskinan yang Berasaskan Islam dan Konsep Trade-Off dalam Islam; (iii) mengeluarkan warta yang sulungnya iaitu Perspektif IKIM; (iv) perbincangan dengan pertubuhan-pertubuhan seperti dialog antara Agama dengan Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh; (v) Kovensyen di Melaka bertajuk "Cabaran Umat Islam Menjelang Abad 21"; (vi) menyertai dua forum di RTM yang membincangkan tajuk-tajuk semasa yang sesuai dengan masyarakat majmuk dari perspektif agama iaitu: (a) Perpaduan Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia; (b) Kerjasama Perdagangan di Antara Kaum dengan disertai oleh ahli panel bukan Islam; (vii) bengkel bertajuk "Kefahaman Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Kesannya Terhadap Peningkatan syiar Islam di Malaysia;" (viii) menyumbangkan artikel-artikel di dalam Ruangan Tetap akhbar Mingguan Utusan Malaysia/Melayu, "Minda Islam" dengan tajuk-tajuk seperti berikut:

- (a) "Etika Kerja Islam"
- (b) "Kualiti: Asas Amalan Setiap Orang Islam"
- (c) "Memperbaiki Imej Buruk Islam Melayu Melalui Ilmu"
- (d) "Adab Berbeza Pendapat Terpelihara dalam Islam"
- (e) "Ciri-Ciri Pembangunan Manusia "
- (f) "Islam Menuntut Kecemerlangan di dalam Keusahawan".

Pada tahun ini, IKIM akan melaksanakan beberapa program baru di samping meneruskan program-program tahun 1992. Beberapa projek penyelidikan di atas tajuk-tajuk berikut akan dilaksanakan iaitu:

- (i) Islam dan Toleransi;
- (ii) Keadilan Islam dalam aspek ekonomi;
- (iii) Keadilan Islam dalam aspek sosial;
- (iv) Keadilan Islam dalam aspek politik;
- (v) Pembentukan sikap individu ke arah peningkatan kualiti dan daya pengeluaran;
- (vi) Hak dan tanggungjawab individu dan masyarakat Islam dalam negara;
- (vii) Hak dan tanggungjawab individu dan masyarakat bukan-Islam dalam negara;
- (viii) Pemerintahan dalam suasana masyarakat majmuk;
- (ix) Institut keluarga dan isu-isu berkaitan; dan
- (x) Kemiskinan dalam Islam: Falsafah, Konsep dan Amalan.

IKIM akan berusaha mengeluarkan tiga jenis penerbitan iaitu:

- (a) "Perspektif IKIM" yang merupakan surat berita atau Newsletter dengan kekerapan dua bulan sekali;
- (b) Jurnal IKIM yang akan diterbitkan empat bulan sekali mulai Mei 1993;
- (c) Visi IKIM yang akan dikeluarkan tiga bulan sekali mulai Februari, 1993; Penerbitan buku-buku pula adalah seperti berikut: (i) enam buah buku yang mengandungi laporan SIBKI; (ii) empat buah buku yang mengandungi isi Forum IKIM di televisyen; (iii) tiga hingga empat buah buku kumpulan makalah disiarkan dalam Utusan Malaysia; (iv) dua buah buku kumpulan makalah yang disiarkan dalam akhbar-akhbar lain.

IKIM akan meneruskan forum melalui TV iaitu dengan tajuk-tajuk seperti berikut: (i) Ke arah Negara Industri Yang Bermoral; (ii) Dasar Keadilan Menurut Pandangan Islam; (iii) Negara Maju Berdasarkan Sistem Nilai; (iv) Budaya Ilmu & Pembangunan Tamaddun; (v) Economic Justice; (vi) Institusi Keluarga sebagai Teras Sosial Masyarakat; (vii) Isu-Isu Alam Sekitar; (viii) Sains dan Teknologi; (ix) Pelaburan dan Saham; (x) Undang-Undang sebagai Pembentuk Masyarakat; (xi) Kualiti & Daya Pengeluaran; (xii) Nilai & Etika Pentadbiran/Pengurusan.

Beberapa bengkel akan diadakan seperti berikut: . pada 30 Januari -Kefahaman Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam; . pada bulan April - Interaksi antara Kaum di kalangan Mahasiswa; . pada bulan Jun - Interaksi antara Kaum di kalangan Mahasiswa; . pada bulan Ogos - Pembinaan Masyarakat yang Bersatu padu di kalangan Belia; . pada bulan Oktober - Pembinaan Masyarakat yang Bersatu padu di kalangan Belia; dan . pada bulan Disember - Islamic Financial System - Its role in the modern economic setting.

Beberapa Seminar juga akan diadakan antara lainnya adalah: . pada 20 dan 21 Januari - Conference on Islam and Industrialisation; . pada bulan Februari - Seminar Sumbangan Islam Ke Arah Pencapaian Matlamat 2020; . pada bulan April -Seminar On Islamic Values and Management; . pada bulan Mei - Seminar Keadilan dalam Islam; dan . pada bulan Ogos - Seminar Islam dan Produktiviti.

Saya juga mengambil kesempatan pada majlis ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberi sokongan dan sumbangan kepada IKIM dalam apa juga bentuk sama ada dari kewangan, teknikal, tenaga dan lain-lain bantuan sokongan terutama: (i) Kerajaan-kerajaan Negeri Trengganu, Sarawak, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah; (ii) Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) Petroleum Nasional Berhad (Petronas); Renong Berhad; Oriental Bank Berhad; Koperasi Polis Di Raja Malaysia Berhad; Sime Darby Berhad; Arab Malaysia Merchant Bank Berhad; Yayasan Ubaidi; Bank Of Commerce (M) Bhd.; Golden Hope Plantation Bhd.; United Malayan Banking Corp. Bhd.; Bank Islam Malaysia Berhad; Malaysian International Shipping Corporation (MISC); Island and Peninsular Berhad; Telekom Malaysia Berhad; Pewira Habib Bank Berhad; Dutch Baby Milk Industries (M) Bhd.; PKNS Engineering & Construction Berhad; Marconi (M) Sdn.Bhd.; ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn.Bhd.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Majlis Perasmian Meletak Batu Asas dan Penyerahan Tapak Bangunan IKIM dan lain-lain yang tidak dapat disebutkan satu persatu yang telah memberi bantuan dari segi teknikal dan tenaga dalam membantu kejayaan IKIM dan bersama-sama menjayakan Majlis pada pagi ini. Terima kasih saya juga kepada media cetak dan elektronik yang telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada IKIM dalam menyampaikan mesej kami kepada masyarakat dengan amat berkesan sekali. Nilai IKIM kepada masyarakat Malaysia bukanlah terletak di atas nilai bangunan ini bahkan sumbangannya akan berteraskan kepada nilai mesej dan juga nilai kefahaman mengenai aspek-aspek Islam yang disampaikan kepada masyarakat Malaysia menerusi usaha-usaha seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi.